

EIZLAN LUAH HASRAT
RUJUK SEMULA Muka 19



Semangat peserta bukan pilihan

» Hamidah tak berputus asa, bangkit semula dengan persembahan terpuji hingga diangkat juara Da'i musim ketiga

Oleh Muhamad Fairoz Azizan
muhamadfairoz@bh.com.my

Kedudukannya dalam program realiti, *Da'i Pendakwah Milenia* musim ketiga, agak goyah sejak dua minggu lalu, dengan persembahan yang dianggap kurang konsisten.

Justeru, Da'i Hamidah Ab Razak bukanlah dilihat sebagai peserta pilihan apabila malam final berlangsung di Sri Pentas 2, Shah Alam, Ahad lalu.

Namun, peserta wanita ini mempunyai alasan sendiri mengapa tumpuan dan fokusnya bagaikan hilang sejak akhir-akhir ini. Rupa-rupanya, beliau terlalu memikirkan masalah kesihatan bapanya, menyebabkan persembahannya kurang membebangkan.

Begitupun, sudah tertulis rezeki menjadi milik pelajar tahun kedua jurusan Pengajian Akidah dan Agama di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini beliau apabila dinobatkan sebagai juara baharu program tersebut.

Tazkirah dapat pujian juri
Mengakui tidak meletakkan harapan yang tinggi untuk menjadi juara dengan persembahan yang tidak menambat perhatian juri tetap, Ustaz Harryanto Rizal Rokman dan Ustaz Syarhan Safie sebelum ini, namun beliau bangkit di pentas akhir bagi memperbetulkan kelemahan lalu.

Tidak menyangka persembahan tazkirahnya dengan tajuk pilihan sendiri, *Aku Pendosa Juga Ingin Ke Syurga*, mendapat pujian daripada juri. Mereka menganggapnya sebagai persembahan terbaik beliau, yang seterusnya memberikan laluan untuk wanita muda ini ke pusingan seterusnya.

Meskipun belum cukup kuat

untuk menyaingi peserta pilihan ramai, Da'i Ahmad Fuad Mohd Mokhtar, yang mendapat undian tertinggi daripada penonton sebanyak 100 peratus, selain gagal menjawab penuh lima soalan pada peringkat Imtihan, Da'i Hamidah bangkit pada peringkat kedua, yang menyaksikan penonton melontarkan soalan mengenai zakat.

Hampir meletakkan dirinya pada kedudukan 'berbahaya' gara-gara jawapan yang diberikan menimbulkan perbalahan antara Mursyid, Datuk Ustaz Kazim Elias dan juri tetap, Ustaz Harryanto, ia bagaimanapun tidak mematahkan semangat wanita berusia 23 tahun ini.

Menang wang tunai RM50,000

Memperoleh 85.9 peratus daripada juri tetap dan jempunan, Ustaz Badli Shah Alaudin, yang mewakili 70 peratus markah keseluruhan, serta juri awam yang terdiri daripada Norman Hakim, Syafiq Kyle, Memey Suhaiza, Erra Fazira dan Datin Seri Umie Aida sebanyak 20 peratus, ia melayakkan Hamidah memenangi hadiah wang tunai RM50,000, trofi, pakej umrah dan beberapa hadiah iringan lain.

Muka 23



Teruskan perjuangan selepas Da'i

Dari muka 24

"Syukur alhamdulillah kerana Allah memilih saya untuk sampai ke peringkat ini walaupun pada mulanya saya tidak konsisten pada persembahan mingguan. Dengan bantuan Murabbi (mentor) yang banyak memberi tunjuk ajar dan semangat, saya bangkit semula pada pentas akhir."

"Sejak awal saya menyertai program ini, saya tidak yakin akan ke peringkat akhir, ditambah pula dengan keadaan kesihatan bapa. Beliau tidak boleh bangun dan berjalan ketika saya berada dalam program ini, membuatkan tumpuan dan fokus saya terganggu.

"Tetapi, saya muhasabah diri, melihat kembali tujuan saya masuk program ini bagi mencari ilmu dan belajar bagaimana untuk berkongsi serta menyebarkan pengetahuan dengan orang ramai di luar," katanya yang akan menyambung semula pengajiannya yang tertangguh.

Mampu dekati golongan Hawa
Pada mulanya, beliau agak takut untuk menyertai program tersebut kerana kurang keyakinan diri, tetapi selepas mendapatkan tunjuk ajar daripada Murabbi sepanjang 10 minggu berada dalam *Da'i*, Hamidah melihat keberkesanan rancangan berkenaan yang dikatakan praktikal untuk pelajar seperti dalam mendapatkan ilmu.



"Semua peserta hebat dan mempunyai kelebihan masing-masing. Saya masuk program ini pun bukan nak bersaing dengan sesiapa. Tujuan utama saya adalah untuk sampai ke tahap sebagai pendakwah.

"Memang sekarang ini pendakwah wanita dilihat kian ke depan, bersama-sama rakan seperjuangan lelaki, namun ia bukan kerana ingin bersaing dan melihat siapa paling hebat. Sebaliknya, ada topik yang tidak sesuai untuk pendakwah lelaki sampaikan kepada golongan wanita, jadi dengan adanya platform sebegini ia mampu melahirkan pendakwah dalam kalangan wanita. Ia mendekatkan golongan ini dengan ilmu agama secara lebih mendalam, terutama bab berkaitan wanita," katanya yang akan terus menggunakan dialek utara untuk menyampaikan ilmu, yang dianggap lebih selesa dan mudah dengan dirinya di samping dapat menarik golongan mendedangnya.

Kurang menyerlah
Menerima hakikat dirinya gagal dinobatkan sebagai juara meskipun menjadi peserta pilihan penonton dengan persembahan konsisten, Da'i Fuad menganggapnya sebagai rezeki yang sudah ditentukan Allah.

Tetap bersyukur kerana mampu bertahan hingga ke peringkat akhir, pelajar jurusan Dakwah dan Pengurusan Islam di USIM berusia 20 tahun ini menjawab lima soalan dengan tepat pada peringkat Imtihan, namun kurang meyakinkan pada persembahan tazkirah yang bertajuk *Benarkah Kita Cinta Rasulullah?* memberikan kesan kepada kedudukannya.

"Saya sudah memberikan

yang terbaik, namun pada pusingan pertama, persembahan saya kurang menyerlah. Saya cuba bangkit semula pada pusingan Imtihan dan soalan huraian penonton.

"Saya ingin tampilkan sesuatu yang baharu dalam menyampaikan dakwah agar dekat dengan penonton. Hasrat saya juga tidak akan mati setakat ini saja, bahkan akan diteruskan selepas berakhirnya program *Da'i*," katanya.

Pendakwah wanita mampu ke depan
Sementara itu, biarpun tersingkir pada peringkat Imtihan kerana memperoleh markah terendah, 63.9 peratus, Da'i Nur Hidayu Mohd Kamil tetap bersyukur dan berpuas hati kerana mampu berada di pentas akhir.

Sudah memberikan persembahan terbaiknya, pelajar berusia 23 tahun dalam jurusan Psikologi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ini mahu menunjukkan, pendakwah wanita juga mampu ke depan dalam menyebarkan ilmu kepada masyarakat.

"Ada ilmu yang pendakwah lelaki tidak boleh dikongsikan dengan wanita, jadi dengan lahirnya pendakwah wanita, ia mampu membuat golongan hawa lebih selesa untuk berkongsi masalah atau bertanya mengenai hal berkaitan diri mereka.

"Menang atau kalah adalah adat pertandingan, tetapi saya bersyukur dan berpuas hati kerana mampu bertahan sehingga ke peringkat akhir. Banyak ilmu yang saya belajar sepanjang berada dalam program ini. Dengan

bantuan Murabbi, ia menyuntik semangat kami untuk terus ber-dakwah," katanya.

Salah pilih tajuk

Ustaz Harryanto pula berkata, memilih tajuk yang salah dianggap sebagai punca peserta gagal menambat hati juri. Biarpun ada penghayatannya, namun ia kurang meninggalkan kesan.

"Sebelum ini tajuk yang diberikan tidak sesuai dengan Da'i Hamidah, namun malam ini saya nampak beliau mula ke depan dengan persembahan yang meyakinkan serta sampai kepada penonton.

"Semua peserta hebat, tetapi kelebihan ada pada Da'i Hamidah apabila beliau bangkit semula. Tazkirah yang bagus dan hujah yang meyakinkan ditambah pula dengan petikan ayat suci al-Quran yang tepat dan sesuai dengan tazkirahnya membuatkan kita 'rasa' apa yang ingin disampaikan," jelasnya.



INFO

- © Sri Pentas 2 yang menjadi gelanggang pertandingan akhir *Da'i* musim ini dipenuhi penonton, malah ada yang tidak dapat memasuki studio berikutan ruang yang tidak berkemudahan. Nasib baiklah ada skrin besar dipasang di luar dewan yang membolehkan mereka sama-sama mengikuti pertandingan yang disiarkan secara langsung oleh TV3.
- © Penonton yang hadir turut berdiri dan bersalawat ke atas Nabi ketika pengacara memperkenalkan finalis.
- © Malam final turut diserikan dengan persembahan penyanyi, Farid Sanullah, bersama 10 peserta *Da'i* musim ketiga. Mereka menyampaikan lagu tema berjudul *Lebaran Kejayaan*.
- © Program musim ini dihoskan oleh Datuk Rosyam Nor dan Zainal Ariffin Ismail.